

18 FEB 1998

Anwar - Kenyataan

ANGGOTA UMNO DILARANG HEBAH MASALAH DALAMAN PARTI

KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata semua anggota Umno dilarang membuat kenyataan akhbar mengenai masalah dalaman parti khususnya pertikaian di peringkat cawangan dan bahagian bagi mengelak kekeliruan.

Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno itu berkata mereka yang ingkar akan dikenakan tindakan sewajarnya.

"Kita mesti menggunakan saluran-saluran parti," katanya pada sidang berita selepas memberi taklimat kepada Anggota-anggota Majlis Tertinggi (MT) yang ditugaskan membantu mengawasi perjalanan mesyuarat cawangan dan bahagian Umno.

Anwar berkata pada perbincangannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi tadi telah dipersetujui bahawa semua bantahan dan masalah yang dibangkitkan di peringkat cawangan dan bahagian mestilah dibawa melalui saluran parti sama ada di peringkat bahagian, Badan Perhubungan Negeri dan MT.

Beliau berkata bagi bahagian-bahagian Umno yang akan diawasi oleh anggota MT, mereka boleh merujuk terus kepada anggota MT berkenaan.

Anwar memberi contoh, kes-kes yang melibatkan masalah keanggotaan harus dirujuk terus kepada ibu pejabat Umno.

Katanya, bahagian Kota Melaka misalnya telah membangkitkan sama ada (bekas Ketua Menteri Melaka) Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik boleh bertanding (untuk jawatan Ketua Bahagian itu) dan "jawapan kita ialah beliau berhak sebagai ahli untuk bertanding."

Ketua Bahagian Kota Melaka Datuk Nasir Manap juga membangkitkan mengenai kedudukan anggota parti di bahagian itu.

"Kita jelaskan bahawa Ketua Bahagian, Timbalan Ketua, Naib Ketua, Ketua Pemuda, Ketua Wanita dan Setiausaha Bahagian semuanya berhak menandatangani borang (permohonan) untuk menjadi ahli," katanya.

Beliau berkata kerana itu tidak berbangkit persoalan mengenai senarai yang diluluskan oleh ibu pejabat Umno ditandatangani oleh Naib Ketua atau Setiausaha Bahagian kerana semuanya dianggap sah.

Anwar berkata kekeliruan timbul mengenai perkara itu kerana beberapa pemimpin di peringkat bahagian tidak mengikuti perkembangan peraturan parti dan keputusan-keputusan yang dibuat oleh MT.

Pada perjumpaan hari ini, anggota-anggota MT yang ditugaskan mengawasi perjalanan mesyuarat di 21 bahagian diberikan beberapa garis panduan dalam melaksanakan tugas itu.

"Ia termasuk melaksanakan senarai anggota yang ditetapkan oleh ibu pejabat parti kerana senarai itulah yang diterima pakai," katanya.

Mereka juga bertanggungjawab menyemak kedudukan dan kehadiran anggota pada mesyuarat yang dijalankan dan juga menyemak anggota yang muflis, anggota yang terdiri daripada pegawai awam kumpulan A dan juga anggota yang telah dikenakan hukuman mahkamah.

"Mereka juga diberi mandat untuk membuat keputusan segera dalam hal-hal yang dipertikaikan oleh ahli-ahli semasa mesyuarat supaya mesyuarat itu boleh dijalankan segera," katanya.

Mengenai tafsiran berbeza oleh beberapa pihak terhadap nasihat Dr Mahathir selaku Presiden Umno supaya semua jawatan Ketua Bahagian tidak dipertandingkan, Anwar berkata bahawa bagi Kelantan, anggota-anggota Umno telah diberitahu tentang betapa pentingnya mereka patuhi nasihat itu.

"Bagi negeri-negeri lain nasihat itu terpakai secara umum...kita tak

pertikaikan hak ahli-ahli bertanding, cuma kita ingin tekankan bahawa peraturan parti mesti dipatuhi," katanya.

Beliau berkata sekiranya ada yang menggunakan wang atau ugutan, mereka akan dikenakan tindakan tegas.

Anwar juga mengumumkan tambahan lima lagi bahagian yang anggota MT akan mengawasi perjalanan mesyuaratnya iaitu Kota Baharu oleh Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman, Bachok (Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh), Larut (Datuk Ibrahim Ali), Penampang (Datuk Seri Syed Hamid Albar) dan Kinabatangan (Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir).

Sebelum ini, 16 bahagian yang akan diawasi oleh wakil MT ialah Tanjung, Tapah, Ipoh Timur, Batu, Kapar, Jempol, Kota Melaka, Rantau Panjang, Kubang Kerian, Peringat, Pengkalan Chepa, Sipitang, Silam, Beaufort, Gaya dan Sandakan.

-- BERNAMA

MNY MAI